

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**[35 markah]****[Masa dicadangkan : 45 minit]****Soalan 1**

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, kenal pasti dan senaraikan **empat kata sendi nama**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap kata **sendi nama** yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan, menukar imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

Ramai yang meramalkan kemunculan televisyen akan membunuh industri buku. Apabila televisyen mula memberikan impaknya pada tahun 50-an, ramai yang mula mentalkinkan buku. Begitu juga dengan asakan Internet. Daripada 17 ribu buku yang terbit pada setiap tahun di negara ini, sebanyak 70 peratus merupakan buku teks dan buku kerja untuk pelajar. Nampaknya rakyat Malaysia memerlukan sebanyak 722 juta ekor ayam setahun tetapi sekadar 17 ribu buku sahaja untuk dibaca.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Industri Buku Belum Mati'
oleh Johan Jaafar
Dewan Masyarakat, Bil 04/2020

[8 markah]**SOALAN 2**

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan nyatakan jenis ayat yang bergaris, sama ada **Ayat Perintah, Ayat Penyata, Ayat Seruan atau Ayat Tanya**. Anda perlu menyalin ayat itu semula dan menyatakan jenisnya.

"Saya ditawarkan biasiswa untuk belajar di universiti."

"Wah, tahniah! Awak ni hebat sungguh.

"Awak pula bagaimana? Awak dah dapat keputusan?

"Saya tidak senasib dengan awak."

"Tentu ada peluang lain nanti. Janganlah sedih sangat."

Setiap kali Aiman membaca mesej perbualannya dengan Ganesh, perasaan kesal menyerbunya.

Tiba-tiba, ayah dan ibu muncul. Mereka dari dapur.

"Man, sudah isi borang untuk ke kolej yang Man cakap hari tu?" soal ayah.

"Entahlah ayah. Tak jadilah Man hendak belajar di kolej itu. Belanjanya besar," katanya dengan nada yang perlahan.

Sumber: Cerpen "Terima Kasih, Ayah!", Buku Teks Tingkatan 4 KSSM.

[6 markah]**[Lihat halaman sebelah****SULIT**

Soalan 3

Dalam Petikan 1, terdapat **lima** kesalahan bahasa manakala Petikan 2 terdapat **enam** kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Media tempatan saban hari melaporkan bahawa fenomena penyebaran berita menjadi budaya di kalangan masyarakat terutamanya melalui media sosial. Oleh itu, sudah menjadi tanggung jawab setiap individu untuk memastikan penggunaan media sosial menjadi penyaluran maklumat yang benar dan bersifat positif. Dalam hal ini, usaha untuk mengatasi penyebaran berita kosong seharusnya mendapat sokongan secara menyeluruh dari setiap lapisan masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Berita Palsu Musuh Negara'
Dewan Siswa, Bil 4/2018

[5 markah]

Petikan 2

Pelbagai ragam pelajar dapat dilihat sebelum menjelangnya peperiksaan umum seperti tekanan perasaan atau stress yang rata-ratanya pelajar hadapi. Tekanan ialah perkara yang berkaitan dengan tegangan yang dialami oleh mental atau emosi seseorang akibat pelbagai faktor. Pelajar perlu mempunyai kemahiran untuk mengatasi masalah tekanan perasaan supaya fokus mereka untuk menghadap peperiksaan tidak terjejas. Pelajar biasanya mendapat tekanan samada daripada ibu bapa, guru atau rakan untuk meraih kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tekanan Perasaan Menggugat Peperiksaan'
oleh Nizar Parman
Dewan Siswa, Bil 4/2015

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 4

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah maksud dan bentuk asalnya.

Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap duduk di tanah sama-sama orang banyak. Maka kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, "Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda mengadu halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan. Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga; Adapun orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak membawa perempuan sekali. Mengapakah maka demikian fiil tuan?"

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada',
antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

Soalan 5

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **dua peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Kamal mempunyai sebuah syarikat perumahan di Kuala Lumpur. Dia menyiapkan projek mengikut jadual yang telah ditetapkan. Suatu hari, Kamal telah ditawarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menyiapkan projek perumahan yang terbengkalai. Walaupun tugas yang diberi kali ini agak mencabar, dia menyahut cabaran dan melakukannya sehingga berjaya. Kamal sentiasa meningkatkan kecekapan dan kemahiran supaya kebolehannya setanding dengan kejayaan syarikat perumahan yang lain.

[4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**[35 markah]****Soalan 6**

Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Hakikatnya, negara ini tidak pernah ketandusan bakat baharu bertaraf dunia baik dalam sukan olahraga, badminton mahupun bola sepak. Ramai atlet muda yang berbakat, namun begitu ke manakah hala tuju mereka? Malang sekali apabila wujudnya masalah kerena birokrasi dalam kepemimpinan persatuan sukan yang berpunca daripada *kepentingan peribadi* sehingga menghancurkan masa depan atlet muda yang berbakat. Hal inilah yang menjadi masalah dan dilema dalam sukan negara sehingga tumpuan kepada pelaksanaan program atlet tidak berkesan.

Terdapat segelintir atlet muda yang tidak berdisiplin sehingga menjasakan aksi di gelanggang. Mereka tidak mengikuti sesi latihan, tidak mengikut arahan dan bersikap sambil lewa. Selain itu, atlet negara juga tidak mempunyai daya saing yang tinggi berbanding atlet negara lain kerana rasa rendah diri masih melekat dalam diri mereka. Oleh itu, kita berharap agar pihak Kementerian Belia dan Sukan dapat memainkan peranan yang sewajarnya dengan memantau secara rapi pembangunan sukan tanah air.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Konsisten Lahirkan Atlet Kelas Dunia',
oleh Noor Muhammad Shakil Hameed,
Dewan Masyarakat, Julai 2017

Bahan 2

Memiliki golongan remaja yang meminati sukan bukanlah tiket menjadi kuasa besar sukan dunia. Banyak negara tidak mampu membangunkan potensi anak muda mereka akibat pelbagai masalah. Situasi ini terjadi di Malaysia juga. Meskipun negara mempunyai beberapa infrastruktur sukan yang canggih, tetapi kemudahan ini tidak menyeluruh. Kebanyakan majlis sukan negeri tidak mempunyai kemudahan sukan yang memudahkan atlet muda menjalankan latihan yang berkesan. Hal ini sudah pasti menjadikan perkembangan bakat dan potensi atlet remaja di peringkat akar umbi. Mereka yang cuba mengambil inisiatif sendiri pula sering menghadapi masalah kewangan kerana terpaksa menampung kos latihan sendiri dan bayaran khidmat jurulatih.

Atlet muda juga sering terpalit dengan isu ‘doping’ walaupun pelbagai program pendidikan dan kesedaran ‘antidoping’ dijalankan secara berterusan. Selain itu, masalah pembangunan atlet remaja juga terpalit dengan masalah amalan rasuah. Kebanyakan amalan rasuah melibatkan aktiviti mengatur perlawanan. Pada 2018, dua pemain badminton profesional remaja negara digantung daripada menyertai sebarang kejohanan masing-masing selama 15 hingga 20 tahun oleh Persekutuan Badminton Dunia (BWF) kerana mengatur perlawanan.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Pembangunan Atlet Remaja Negara’,
Sinar Harian, 12 Jun 2019

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *kepentingan peribadi*. [2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan masalah-masalah dalam pembangunan atlet remaja negara. [3 markah]
- (iii) Penyertaan murid dalam bidang sukan di sekolah masih berada pada tahap yang tidak memuaskan. Ramai murid yang tidak mahu melibatkan diri dalam acara sukan di sekolah.
Huraikan pendapat anda tentang sebab-sebab murid sekolah bersikap sedemikian. [3 markah]
- (iv) Anda merupakan atlet sukan yang sangat berbakat dan sentiasa mengharumkan nama sekolah di peringkat kebangsaan. Pihak sekolah meminta jasa baik anda untuk menarik minat rakan-rakan supaya terlibat dalam bidang sukan sekali gus mewakili sekolah ke peringkat yang tertinggi.
Sebagai atlet yang berjaya, apakah yang perlu anda lakukan untuk menjayakan hasrat sekolah? [4 markah]

Soalan 7

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kadang-kadang aku kesian juga dengan emak. Tekun benar dia. Malah tapai ubi sudah menjadi *mata pencariannya*. Sejak aku kecil, emak dan bapa sudah bermula tapai ubi. Aku membesar berkat hasil jualan tapai ubi. Aku belajar berkat hasil jualan tapai ubi. Bukan aku sahaja, seluruh adik-beradikku hidup atas berkat usaha emak dan bapa membuat tapai ubi untuk dijual.

“Buat tapai ubi tak boleh bagi orang tahu!” kata emak ketika menabur ragi di atas ubi rebus di dalam sebuah dulang besar. Aku akur dengan petua emak. Aku hanya diam. “Jangan kena kotoran atau minyak,” sampuk bapa pula yang sedang memotong daun pisang untuk dijadikan pembungkus tapai. Kadang-kadang bapa menggunakan daun rambai. Bapa tidak mahu menggunakan plastik kerana keaslian tapai akan hilang. Rasanya kurang enak. Baunya tidak wangi lagi.

“Tak boleh bising-bising,” bisik emak pula. Aku hanya membantu mendengar petua yang sama sejak aku kecil.

Dipetik daripada cerpen ‘Legasi Tapai Ubi’
oleh Ghazali Lateh,
antologi *Bintang Hati*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 2

Naim tidak suka membersihkan bilik air yang banyak kotoran degil. Tiba-tiba, dia teringat akan petua yang pernah diberikan oleh Tuk Nan kepadanya. Dia pun pergi ke dapur mengisi botol penyembur dengan separuh air dan separuh cuka. Dia kembali ke bilik air dan menyemburkan campuran tersebut pada permukaan cermin. Selepas itu, dia mengelap permukaan cermin itu dengan kertas surat khabar.

Naim tersenyum puas di hadapan cermin yang telah bersih dan bersinar. Namun demikian, dia termenung apabila melihat jubin dan singki yang kotor.

“Apakah yang dimenungkan itu, Naim?” suara Tuk Nan tiba-tiba menyedarkan Naim daripada lamunan.

“Eh, Tuk Nan! Tuk sampai bila? Terkejut Naim,” kata Naim sambil bersalam dengan Tuk Nan. “Tuk baru saja sampai. Mama kata Naim sedang membersihkan bilik air. Jadi, tuk terus ke sini,” kata Tuk Nan.

“Haa... baguslah Tuk Nan datang. Baru saja tadi Naim menggunakan petua yang tuk beri untuk membersihkan cermin. Manalah tahu kalau-kalau Tuk Nan ada petua untuk membersihkan jubin dan singki pula,” kata Naim.

Dipetik daripada ‘Petua Tuk Nan’
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan Lima,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *mata pencariannya*.

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **Bahan 1 dan Bahan 2**, berikan petua-petua yang terdapat dalam petikan tersebut.

[3 markah]

- (iii) Setiap murid mengimpikan kejayaan dan kecemerlangan dalam kehidupan. Mereka pasti memiliki impian untuk berjaya dalam pelajaran, mempunyai kerjaya yang baik dan keluarga bahagia.

Sebagai murid yang berwawasan, nyatakan panduan-panduan yang perlu anda amalkan untuk merealisasikan impian anda itu.

[4 markah]

- (iv) Anda sedang menghadapi masalah kerana gagal dalam peperiksaan. Semangat anda untuk terus belajar semakin menurun dan anda menjadi tidak bermotivasi untuk meneruskan kehidupan. Pada suatu petang, anda menonton satu rancangan bercorak bual bicara yang dikendalikan oleh seorang pakar motivasi terkenal tanah air. Beliau membincangkan panduan-panduan untuk bangkit daripada kegagalan. Sedang anda asyik menonton rancangan tersebut, tiba-tiba bekalan elektrik terputus dan anda berasa sangat kecewa kerana tidak dapat mengikutinya hingga selesai.

Apakah tindakan yang boleh anda lakukan agar dapat mengikuti panduan-panduan daripada pakar motivasi tersebut semula?

[4 markah]

Soalan 8

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Kerana kegelapan mengundang jenayah. Perkara jahat berlaku dalam gelap seperti kecurian, rompakan dan maksiat,” terang Dato’ Johann.

Wajah Nurul Hafsa itu tiba-tiba seperti dilanda ilham dan sepantas kilat dia menjawab.

“Dato’ Johann, ada lampu atau tiada lampu tidak mempunyai kaitan dengan kadar jenayah. Kawalan penguatkuasaan dan pemantauan pihak berkuasalah yang dapat menurunkan kadar jenayah,” Nurul Hafsa menjawab penuh yakin.

Polis tidak boleh berada pada semua tempat pada setiap masa,” Dato’ Johann membidas.

“Di samping itu, langkah-langkah kawalan untuk mengelakkan aktiviti jenayah juga sepatutnya diambil sebelum jenayah itu berlaku. Misalnya, pasangkan gril dan kunci rumah dengan baik. Elakkan daripada melalui jalan-jalan sunyi. Elakkan keluar malam,” Nurul Hafsa mengukuhkan hujahnya.

Dipetik daripada novel ‘Bimasakti Menari’
karya Sri Rahayu Mohd Yusop
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan langkah-langkah mengatasi masalah jenayah pada waktu malam mengikut pandangan Nurul Hafsa?

[4 markah]

(ii) *Jawab soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:-*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani, karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari, karya Sri Rohayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina, karya Nizar Parman

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang menimbulkan perasaan simpati kepada pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN**[30 Markah]****Soalan 9**

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah. Kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1

Trauma ialah pengalaman individu yang unik tentang suatu peristiwa atau keadaan yang kekal seperti keupayaan individu untuk mengintegrasikan pengalaman dan emosi, atau terharu dengan suatu pengalaman yang luar biasa seperti rangsangan yang kuat dan berbahaya. Trauma meninggalkan kesan yang sangat menakutkan. Pesakit trauma mengalami gangguan mental akibat ketegangan psikologi dan fisiologi serta kebanyakan pesakit sukar tidur kerana insomnia yang serius. Dalam jangka masa panjang, pelbagai kesan lain akan ditanggung oleh pesakit trauma.

Dari sudut yang lain pula, pesakit tidak dapat menumpukan perhatian terhadap semua perkara yang dilakukan. Hal ini menyebabkan perkara yang dibincangkan akan terhakis daripada fikiran mereka. Pada masa yang sama, individu yang mengalami trauma akan mudah terkejut, cepat marah dan panik dalam semua situasi. Dalam situasi yang berbeza pula, pesakit sering berasa sedih dan bersalah dalam tempoh beberapa hari. Selain itu, menjelaskan aktiviti normal seseorang. Dalam hal ini, terapi kognitif tingkah laku perlu dijalani oleh pesakit, selain mengambil ubat antikemurungan seperti *Prozac* dan *Zoloft* untuk membantu pesakit.

Masyarakat juga perlu dididik agar tidak terlalu terbawa-bawa dengan masalah yang dihadapi, sebaliknya mencari jalan penyelesaian supaya dapat keluar daripada kepompong permasalahan yang membelenggu minda mereka. Tegasnya, pesakit perlu berkongsi masalah yang berkaitan dengan trauma bersama-sama ahli keluarga supaya proses pemulihan dapat dipercepat.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Trauma Mengganggu Emosi’
oleh Rehanah Mohd Zain,
Dewan Kosmik, Januari 2016

Bahan 2 - Grafik

**Kenapa ?
ANDA TRAUMA**

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

- Keperibadian yang lemah / kurang percaya diri sehingga berasa diri tidak mampu mengatasinya dan menyalahkan diri sendiri
- Terjadinya konflik sosial akibat daripada adanya norma yang berbeza antara dirinya dengan persekitaran masyarakat.
- Pemahaman yang salah terhadap sesuatu perkara sehingga memberikan reaksi berlebihan terhadap kehidupan sosial



KERTAS SOALAN TAMAT